KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	28.03.22	MUKA SURAT	:	34
JABATAN	:	PERHILITAN			

Pengguna jalan raya terkejut lihat gajah depan mata



Pengguna jalan Gua Musang-Kuala Krai berhampiran Kampung Paloh dikejutkan dengan kelibat seekor gajah melintas di laluan berkenaan selepas video berdurasi 22 saat itu tular di laman sosial Facebook pada Sabtu.

GUA MUSANG - Pengguna jalan Gua Musang-Kuala Krai berhampiran Kampung Paloh di sini dikejutkan dengan kelibat seekor gajah melintas di laluan berkenaan selepas video berdurasi 22 saat itu tular di laman sosial Facebook pada Sabtu.

Rakaman video yang dimuat naik oleh ISKK TV itu menunjukkan seekor gajah sedang melintasi laluan berkenaan dan sudah ditonton oleh 20,000 pengguna laman sosial tersebut.

Selain itu, video berkenaan sudah dikongsi sebanyak 101 kali oleh pengguna Facebook.

Difahamkan ini merupakan kali pertama pengguna laluan itu melihat kehadiran hidupan liar berkenaan melalui jalan tersebut.

Sementara itu Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Kelantan, Mohamad Hafid Rohani berkata, setakat ini pihaknya masih belum menerima laporan berhubung kejadian itu.

"Nasihat saya jika terserempak dengan haiwan tersebut jangan panik dan elakkan menekan hon.

"Hal ini bagi mengelakkan haiwan itu terkejut dan bertindak agresif, sekali gus boleh mengundang bahaya kepada pengguna jalan raya yang lain," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Ahad.